

03 MAY 2002

MAHATHIR-KDNK/I

MAHATHIR: ANGKA EKSPORT MAC YANG TINGGI MENYUMBANG KEPADA KDNK

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata angka dagangan dan eksport yang tinggi bagi Mac dengan jelas akan menyumbang kepada pertumbuhan suku pertama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Selain daripada itu, pemulihan ekonomi AS juga akan membantu meningkatkan permintaan produk Malaysia.

"Ia (data bagi Mac) akan dengan jelas menyumbang kepada pertumbuhan suku pertama KDNK. Yang lebih pentingnya, ia menunjukkan bahawa ekonomi dunia semakin pulih terutamanya ekonomi AS," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Menangani Cabaran K-Ekonomi: Peranan Generasi Muda Ke Arah Pembudayaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat anjuran Pemuda Umno di sini hari ini.

Semalam, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata lebih dagangan bagi Mac meningkat kepada RM5.1 bilion daripada lebih sebanyak RM3.8 bilion pada Februari dan lebih sebanyak RM4.1 bilion pada Mac tahun lepas.

Angka Mac berkenaan merupakan angka lebih dagangan bulanan yang tertinggi dicatatkan sejak September 2001.

Jumlah keseluruhan eksport bagi Mac naik 27.2 peratus bagi bulan atas bulan kepada RM30.8 bilion.

Angka eksport itu merupakan yang tertinggi sejak November 2000 dan kadar pertumbuhan bulanan bagi Mac adalah tertinggi sejak Mac 1997.

Dr Mahathir berkata pemulihan ekonomi AS akan membantu ekonomi Malaysia untuk terus bertambah baik.

Semasa ditanya mengenai angka bagaimana yang beliau jangkakan bagi suku pertama itu, Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata: "Saya tidak berani berkata apa-apa. Saya seorang yang amat berhati-hati." -- BERNAMA

LES KTC NHD